

Penyampai : TAN SRI ABDUL HALIM BIN ALI
Tajuk : MAJLIS PELANCARAN PROGRAM LATIHAN "ELECTRONIC GOVERNMENT" (EG)
Lokasi : DEWAN SRI DELIMA, MENARA KOMPUTER, INTAN JALAN ELMU
Tarikh : 13-06-1997

1. Saya bersyukur ke hadrat ALLAH s.w.t. kerana dengan izinNya kita dapat bersama-sama di majlis pelancaran Program Latihan AElectronic Government@ (EG) atau Kerajaan Elektronik pada pagi ini. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada INTAN kerana memberi kesempatan kepada saya untuk berucap dan seterusnya merasmikan kursus ini yang sedang berlangsung selama empat hari.

Sesungguhnya kursus ini kena pada tempat dan waktunya sebagai persediaan untuk melaksanakan elektronik government dalam pentadbiran kerajaan.

2. Pelaksanaan Kerajaan Elektronik merupakan satu usaha inovatif untuk mempertingkatkan mutu perkhidmatan serta daya saingan negara di samping mengurangkan pengaruh budaya kertas dalam Perkhidmatan Awam. Dengan wujudnya Kerajaan Elektronik Perkhidmatan Awam akan dapat membantu negara melangkah pesat memasuki era teknologi maklumat dan multimedia. Kerajaan sedar bahawa tanpa memanfaatkan sepenuhnya potensi teknologi maklumat dan multimedia, negara kita tidak akan dapat mencapai kemajuan yang diharapkan di bawah Wawasan 2020. Malahan kemungkinan besar kita akan ketinggalan di belakang jika dibanding dengan negara-negara lain yang menggunakan teknologi maklumat dan multimedia secara teratur dan agresif.

3. Pada saya, pelaksanaan Kerajaan Elektronik yang dirancang oleh Kerajaan merangkumi tiga bidang aplikasi utama iaitu :-

(a) Penawaran perkhidmatan dan maklumat kepada orang ramai;

(b) penawaran perkhidmatan dan maklumat kepada swasta;

(c) pemudahan hubungan dan transaksi antara agensi-agensi kerajaan; Semua ini akan mendorong Perkhidmatan Awam untuk mempertingkat lagi mutu perkhidmatannya kepada orang ramai melalui sistem dan kaedah kerja yang lebih flexible, pantas menangani masalah dan kekangan (constraints), serta lebih transparent. Bersama-sama dengan program ISO 9000 yang sedang giat dilaksanakan dalam agensi-agensi kerajaan, saya percaya kita akan dapat memenuhi hasrat kerajaan supaya Perkhidmatan Awam negara ini berkemampuan menawarkan tahap perkhidmatan yang lebih berkualiti kepada pelanggannya.

4. Dengan kejayaan pelaksanaan Kerajaan Elektronik, Perkhidmatan Awam masa depan akan memperlihatkan beberapa ciri menarik seperti:-

(a) perhubungan internet yang meluas antara jabatan-jabatan kerajaan, dan juga antara orang ramai dan pihak swasta dengan Kerajaan;

(b) penggunaan kad pintar oleh pegawai-pegawai kerajaan untuk banyak urusan seperti perolehan dan juga sebagai pengenalan dan keselamatan;

(c) permohonan-permohonan untuk lesen, dan lain-lain kemudahan dipertimbangkan secara elektronik;

(d) pelepasan kargo dan penumpang dengan cepat di pusat-pusat kastam dan imigresen melalui kemudahan-kemudahan elektronik dan radio;

(e) urusan kaunter dipindahkan ke `kiosk' yang boleh mengurangkan kesesakan di jabatan-jabatan kerajaan yang berurusan dengan orang ramai;

(f) latihan ditawarkan melalui pembelajaran jarak jauh (distance learning) yang lebih mudah di manfaatkan oleh pegawai-pegawai Kerajaan;

(g) persekolahan dapat dijalankan dengan murid-murid dan para guru diberi keupayaan memperolehi ilmu melalui sekolah bistari; dan

(h) rawatan perubatan di hospital-hospital Kerajaan yang akan dapat ditawarkan dengan lebih berkesan melalui kepakaran yang boleh diperolehi dari telemedicine.

5. Pelaksanaan Kerajaan Elektronik juga bermakna bahawa banyak kerja akan dapat dipermudahkan dan prosedur-prosedur dikurangkan. Pelaksanaannya juga akan memberi asas untuk kita melihat semua keperluan tenaga kerja dalam Perkhidmatan Awam. Saya percaya jika kita melaksanakan Kerajaan Elektronik ini dengan bersungguh-sungguh, kita akan dapat mengurangkan keperluan tenaga kerja dalam Perkhidmatan Awam terutamanya kategori khidmat sokongan yang lebih berbentuk rutin. Ini selaras dengan hasrat Kerajaan untuk mengurangkan saiz Perkhidmatan Awam. Di samping itu, Kerajaan Elektronik akan menjadikan Perkhidmatan Awam kita lebih kaya dengan maklumat dan memudahkan tugas pegawai-pegawainya untuk memperolehi maklumat dengan sendiri tanpa mengharapkan khidmat kakitangan lain.

6. Untuk kita munafatkan sepenuhnya kemudahan teknologi multimedia ini, semua pegawai-pegawai Kerajaan dari berbagai lapisan perlulah menerapkan satu budaya baru yang dipanggil 'celik komputer' (computer literate). Penghayatan budaya ini bukan bermaksud pemahaman mengenai komputer semata-mata, tetapi perlulah juga menjadikan komputer sebagai sebahagian dari peralatan kerja mereka. Untuk ini, di samping boleh menaip, pegawai-pegawai Kerajaan perlu memahiri penggunaan Internet, alat-alat produktiviti seperti pemprosesan perkataan, powerpoint, spreadsheet, pakej-pakej statistik dan sebagainya.

7. Dalam hubungan ini, saya mengalu-alukan usaha INTAN untuk menjalankan kursus AElectronic Government@ ini. Jabatan Perdana Menteri telah pun mengenalpasti seramai 7,000 personel dari semua peringkat untuk menjalani latihan ini mulai bulan Jun sehingga Disember, 1997 ini. Akan tetapi, jumlah ini adalah hanya sebahagian daripada keseluruhan bilangan personel sektor kerajaan yang memerlukan latihan dalam bidang teknologi maklumat dalam tempoh dua tahun ini. Anggaran bilangan untuk dilatih bagi seluruh Perkhidmatan Awam adalah lebih besar, ia itu kira-kira 130,000 orang untuk mengwujudkan Acritical mass@ yang boleh menjayakan pelaksanaan Kerajaan Elektronik di agensi-agensi kerajaan.

8. Buat permulaan, kursus yang pertama ini adalah untuk seramai 80 orang personel Jabatan Perdana Menteri yang diadakan selama empat hari dari 11 Jun sehingga 14 Jun, 1997. Kursus ini sedang dijalankan secara serentak di tiga lokasi ia itu di INTAN, di Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri dan di Pusat Sumber Maklumat, Jabatan Perkhidmatan Awam. Saya amat berbangga dengan bentuk kerjasama di antara agensi-agensi kerajaan ini yang jelas membuktikan kesediaan jabatan-jabatan kerajaan untuk bersama-sama menjayakan pelaksanaan Kerajaan Elektronik.

9. Menyedari bilangan yang begitu ramai perlu dilatih, tanggungjawab ini mungkin tidak dapat dijalankan oleh INTAN dan agensi-agensi Kerajaan sahaja. Untuk tujuan ini, Kerajaan perlu meninjau bentuk kerjasama yang sebaik-baiknya dengan pihak swasta yang mempunyai program latihan yang komprehensif.

10. Selain dari latihan, Ketua-ketua Jabatan juga hendaklah mula mengatur strategi bagi memperkenalkan penggunaan teknologi multimedia di agensi masing-masing. Pihak Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak 5% dari Belanjawan Operasi untuk perolehan teknologi maklumat tahun ini, dan jumlahnya akan ditingkatkan kepada 10% tahun hadapan.

11. Ketua-ketua Jabatan juga perlu mencari pendekatan baru dalam pengurusan maklumat memandangkan bahawa lebih banyak jenis maklumat boleh diperolehi melalui penggunaan teknologi multimedia termasuklah maklumat berbentuk numeric, text, graphic, video dan audio. Jentera pengurusan maklumat di agensi- agensi kerajaan perlu diperkemas lagi dan pegawai-pegawai sama ada dari golongan sistem maklumat, pengurusan atau ikhtisas lain, perlu diberi latihan untuk mengurus serta mengguna maklumat dan jaringan komunikasi dengan berkesan. Dengan pendekatan ini, barulah

kita mampu untuk menghasilkan `content` dalam bentuk multimedia serta menawarkan produk dan perkhidmatan maklumat yang memberi tambahan nilai (value added) kepada pelanggan kita.

12. Akhir kata, sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada pihak INTAN di atas usaha-usaha yang diambil oleh INTAN untuk mengadakan program latihan Kerajaan Elektronik ini. Saya juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada para pengajar dalam menganjurkan kursus yang pertama ini. Tidak ketinggalan juga, saya ingin merakamkan penghargaan kepada semua pihak yang telah memberi sumbangan dalam menjayakan kursus ini. Dengan doa dan harapan supaya program latihan ini mencapai matlamatnya, dengan lafaz Bismillahi Rahmanirrahim, saya dengan sukacitanya melancarkan Program Latihan Kerajaan Elektronik.